

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK	PUBLIC BANK BERHAD
<p><b>[Sila baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menerima kemudahan ini.]</b></p> <p><b>Pastikan anda membaca terma dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak faham mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma amnya.</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembiayaan Margin Saham (SMF) bagi jual beli saham melalui Public Investment Bank Berhad (PIVB): <ul style="list-style-type: none"> <li>[ ] MA - Margin</li> <li>[ ] MT – Margin plus Trading (margin bersama leveraj jual beli saham)</li> </ul> </li> <li>2. SMF bagi jual beli saham melauai panel broker saham Bank: <ul style="list-style-type: none"> <li>[ ] ESMF – Margin dengan panel broker saham</li> </ul> </li> </ol>
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p> <p>SMF ialah kemudahan kredit yang ditawarkan oleh Bank kepada anda untuk melabur dalam saham-saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Ia menawarkan kuasa belian maksimum dalam pelaburan saham dengan meleveraj terhadap dana atau cagaran sedia ada bagi meraih peluang baharu muncul dalam pasaran saham.</p> <p><u>Manfaat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kadar faedah yang RENDAH</li> <li>- Fi pemprosesan yang RENDAH</li> <li>- Had dagangan yang TINGGI</li> <li>- Urus niaga saham dalam talian percuma melalui PBeBank.com</li> <li>- Harga dan maklumat saham masa nyata percuma</li> <li>- Faedah untuk baki kredit</li> <li>- Rebat fi yang dikenakan untuk pindah masuk saham sebanyak RM10 bagi setiap kaunter (untuk saham yang mempunyai nilai pasaran melebihi RM3,000)</li> <li>- Rebat bagi duti setem ad valorem (untuk jual beli saham melalui PIVB sahaja)</li> <li>- Pinjaman bagi komitmen peribadi</li> </ul>	
<p><b>2. Penentuan Harga dan Ciri-ciri Produk</b></p>	
<p><u>Penentuan Harga/ Kadar Faedah:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi jual beli saham melalui PIVB (MA &amp; MT) : <u>Individu</u> Kadar Asas (BR) + 1.45% pada 3.72% setahun.</li> <li><u>Bukan Individu</u> Kadar Pinjaman Asas (BLR) - 1.75% pada 3.72% setahun</li> <li>• Bagi jual beli saham melalui panel broker saham Bank (ESMF) : <u>Individu</u> BR + 2.2% pada 4.47% setahun.</li> <li><u>Bukan-Individu</u> BLR – 1% pada 4.47 % setahun</li> </ul> <p><u>Nota:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. BLR semasa kami ialah <u>5.47%</u> dan BR semasa kami ialah <u>2.27%</u> dimana Bank berhak untuk mengubah BLR dan/atau BR atau peratusan spread ke atas BLR dan/atau BR apabila perlu.</li> <li>2. Faedah dikira ke atas baki harian dan akan didebitkan pada akhir bulan.</li> </ol>	<p><u>Ciri-ciri Produk:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Had Kredit : RM50K - RM5,000K</li> <li>• Nisbah Pinjaman kepada Sekuriti (LSR) : 60%</li> <li>• LSR Panggilan margin (Had LSR Ditetapkan) : 70% (harus diselesaikan dalam tempoh penangguhan selama 3 hari urusan dari tarikh Panggilan Margin)</li> <li>• LSR Jual paksa : 80% (jualan paksa serta-merta) atau selepas tamatnya tempoh panggilan margin, mana yang lebih awal</li> <li>• Tempoh Pinjaman : Perlu dibayar atas permintaan pihak Bank.</li> <li>• Leveraj Margin : 1.5x untuk saham : 2.5x untuk tunai (termasuk amaun tunai didepositkan) /Deposit Tetap (FD)</li> </ul>

- Leveraj Dagangan (diterima pakai untuk MT sahaja) : Tambahan 1.0x untuk saham/ tunai/ FD


### 3. Apakah kadar asas?

Kadar Asas yang kami tawarkan bagi produk ini terdiri daripada dua bahagian, dana kos (COF) penanda aras dan kos Keperluan Rizab Berkanun (SRR) kami yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. COF penanda aras kami mencerminkan kos untuk memperolehi dana-dana baharu dan berdasarkan kepada Kadar Penawaran Antara Bank Kuala Lumpur selama 3 bulan.

### 4. Apakah senario yang berkemungkinan mencetuskan perubahan dalam Kadar Asas?

Kadar Asas kami boleh naik atau turun disebabkan oleh perubahan dalam penanda aras COF dan perubahan dalam SRR. Perubahan dalam penanda aras COF boleh berlaku disebabkan oleh perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, dan faktor-faktor lain seperti perubahan dalam Kadar Keperluan Rizab Berkanun dan / atau perubahan kepada syarat-syarat pembiayaan bank.

### 5. Sejarah penanda aras COF sejak 3 tahun lepas



### 6. Apakah caj lain yang perlu saya bayar?

- Duti Setem Ad valorem untuk Perjanjian Pembiayaan Margin Saham ("SMFA") : 0.5% daripada Had Kredit yang Diluluskan\*
- Fi Pemprosesan : RM50.00
- Pembukaan Akaun CDS dengan Bursa Malaysia Depository (BMD) : RM10.00
- Fi peneraan nominal bagi:-
  - Perjanjian Nomini : RM10
  - Memorandum Deposit : RM10
  - Surat Tawaran : RM10
  - Salinan pendua SMFA : RM10

- Lain-lain

- Surat "Setoff" : RM10
- Surat Deposit Tetap yang Dicagarkan (Pihak ke-3) : RM10
- Surat Jaminan : RM10

Nota:

1. *Duti setem ad valorem akan ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan.*
2. \* *Untuk jual beli saham melalui PIVB, Bank akan membayar balik duti setem ad valorem apabila pelanggan mencapai jumlah urusniaga sekurang-kurangnya 2 kali ganda had kredit dalam tempoh 7 bulan daripada tarikh penerimaan Surat Tawaran.*

### **7. Apakah obligasi saya?**

- Semua saham yang dicagarkan atau dibeli adalah tertakluk pada penilaian / had yang dikenakan oleh pihak Bank dan tidak boleh melebihi Had Pendedahan Kaunter Tunggal (SCEL) dan Had Spread Kaunter (CSL) yang telah ditetapkan. Pada ketika SCEL dan / atau CSL dimungkir, anda perlu menjual saham sedia ada atau memindah masuk saham lain yang diterima oleh Bank, mana yang berkenaan.
- Sekiranya nilai sekuriti yang dipegang sebagai cagaran susut nilai dan LSR mencapai LSR Panggilan Margin atau sekiranya baki debit / tertunggak melebihi Had Kredit yang Diluluskan, anda perlu membuat pembayaran balik untuk mengurangkan baki debit / tertunggak atau menyediakan cagaran tambahan yang boleh diterima oleh Bank atau menjual saham sedia ada dalam tempoh yang ditetapkan, mana yang berkenaan.
- Pembayaran balik jumlah amaun pinjaman dan faedah terkumpul.

### **8. Bagaimana jika saya gagal memenuhi obligasi saya?**

- Tambahan faedah ingkar sebanyak 1% setahun ke atas Kadar Faedah akan dikenakan bagi jumlah yang masih belum dibayar.
- Bank boleh melaksanakan jualan paksa atau membubarkan cagaran anda atau menyelesaikan apa-apa baki debit/ tertunggak dalam akaun SMF ini dengan menggunakan baki kredit dalam lain-lain akaun anda yang disenggara dengan Bank.
- Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda.

### **9. Apakah risiko utama?**

- Risiko pelaburan kerana pembelian saham boleh mempunyai kesan negatif yang ketara bagi nilai dan pulangan pelaburan anda disebabkan oleh pergerakan harga saham yang tidak menguntungkan.
- Kadar faedah bagi pinjaman ini boleh berubah dan ia mungkin berubah mengikut perubahan dalam kadar rujukan. Kenaikan kadar faedah boleh menyebabkan pembayaran faedah yang lebih tinggi. Sekiranya anda mempunyai masalah untuk memenuhi obligasi pinjaman anda, sila hubungi kami secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran balik.

**10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami (notis bertulis hendaklah dihantar ke Unit Pelaburan Saham) mengenai apa-apa perubahan dalam butiran untuk menghubungi anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

**11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan?**

- Jika anda mempunyai kesukaran untuk membuat bayaran balik, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran balik:

Menara Public Bank  
146, Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Telefon : 1-800-22-5555  
Faks : 03-21646670  
E-mel : [customerservice@publicbank.com.my](mailto:customerservice@publicbank.com.my)

- Selain itu, anda juga boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall  
1001, Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
Telefon : 03-26167766  
E-mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami berikan, anda boleh menghubungi kami di:

Menara Public Bank  
146, Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Telefon : 1-800-22-5555  
Faks : 03-21646670  
E-mel : [customerservice@publicbank.com.my](mailto:customerservice@publicbank.com.my)

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak dapat kami selesaikan dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK/TELELINK atau Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC) di :

Bank Negara Malaysia (BNM)  
Blok D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Telefon : 1-300-88-5465  
Faks : 03-21741515  
E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC)  
Unit A-9-1, Level 9, Tower A, Menara UOA Bangsar  
No.5, Jalan Bangsar Utama 1  
59000 Kuala Lumpur  
Telefon : 03-2282 2280  
Faks : 03-2282 3855  
E-mel : [info@sidrec.com.my](mailto:info@sidrec.com.my)

**12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai SMF, sila hubungi Eksekutif Pelaburan Saham kami di:

**Unit Pelaburan Saham,  
Public Bank Berhad**

<Address 1>  
<Address 2>  
<Address 3>  
<Address 4>  
<Address 5>

**Telefon :**

**Faks :**

**E-mel : [shareinvest@publicbank.com.my](mailto:shareinvest@publicbank.com.my)**

**NOTA PENTING: ADALAH PENTING UNTUK ANDA MEMAHAMI SEPENUHNYA RISIKO YANG TERLIBAT DALAM DAGANGAN SAHAM YANG DIBIAYA DENGAN PEMBIAYAAN MARGIN. BANK MENAWARKAN KEPADA ANDA HAD KREDIT YANG BOLEH ANDA GUNAKAN UNTUK MEMBELI SAHAM. MEMINJAM UNTUK MEMBIAYAI PEMBELIAN SAHAM BOLEH MEMBAWA KESAN NEGATIF YANG KETARA DALAM NILAI DAN PULANGAN PELABURAN DISEBABKAN OLEH PERGERAKAN HARGA SAHAM YANG DIPEGANG DALAM AKAUN PEMBIAYAAN MARGIN.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran penerangan ini sah pada \_\_\_\_\_ .

**PENAFIAN:**

Terma dan syarat yang ditunjukkan dalam Lembaran Penerangan Produk ini adalah tentatif / indikatif dan tidak mengikat kepada Bank. Terma dan syarat akhir adalah seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan pembiayaan.

**PENGAKUAN:**

Dengan ini saya mengaku bahawa saya telah membaca dan memahami maklumat yang dinyatakan dalam lembaran penerangan ini dan telah diberikan salinannya untuk rujukan saya sendiri.

Tandatangan Pelanggan: .....

Tarikh: .....